

**APLIKASI KAEDAH FIQH “AL-DARURAH TUQADDARU BI QADARIHA”
 TERHADAP PENGAMBILAN BANTUAN MAKANAN OLEH GELANDANGAN**
*The Application of Islamic Legal Maxim “Al-Darurah Tuqaddaru bi Qadariha” on the
 Intake of Food Distribution by the Homeless*

Muhammad Ammar Harith Idrisⁱ & Mohd Anuar Ramliⁱⁱ

ⁱ Pelajar Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
 ammar.harith94@yahoo.com

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
 mohdanuar@um.edu.my

Article Progress

Received:

Revised:

Accepted:

Abstrak	Abstract
<p>Golongan gelandangan merupakan satu kelompok masyarakat marginal yang terdapat di bandar-bandar besar, misalnya di Kuala Lumpur. Kewujudan golongan ini adalah disebabkan pelbagai faktor yang menghimpit dan mendesak antaranya adalah kemiskinan bandar, konflik keluarga, gangguan mental dan gejala sosial. Bertitik tolak daripada faktor tersebut, mereka mengambil keputusan untuk tinggal di jalanan tanpa mempunyai tempat tinggal yang tetap dan sesuai. Dalam mendepani isu gelandangan, pelbagai bentuk bantuan telah diberikan kepada golongan gelandangan sama ada oleh agensi kerajaan ataupun pertubuhan bukan kerajaan, misalnya penyediaan penginapan transit, bantuan makanan dan sebagainya. Namun begitu, bantuan makanan yang bersifat terbuka ini dilihat menimbulkan permasalahan dalam pengambilan makanan halal bagi gelandangan yang beragama Islam. Perbezaan latar belakang pihak-pihak yang menghulurkan bantuan makanan dilihat mewujudkan unsur keraguan terhadap aspek halalan tayyiban pada sumber makanan tersebut. Tambahan pula, situasi gelandangan yang bergantung sepenuhnya kepada bantuan menyebabkan mereka menerima segala jenis makanan yang diagihkan</p>	<p>The homeless was a group of people who are marginalized in large cities, such as Kuala Lumpur. The existence of them is due to various factors such as urban poverty, family conflict, mental and social symptoms. Arising from these factors, they decided to live on the streets without appropriate residences. In confronting the issue of the homeless, various forms of assistance have been provided either by government agencies or non-governmental organizations, such as the provision of transit accommodation, food distribution and so on. However, the food distribution program that is open to all parties is seen to cause problems in term of ensuring halal food intake for the homeless who are Muslims. An element of doubt on the aspect of halalan tayyiban was arised due to the background differences from the parties. Furthermore, the situation of the homeless who depend heavily on help, lead them to accept all kinds of food distributed without careful examination. At some point, some of the difficulties experienced by the homeless puts them in a situation of ‘darurah’(emergency). From the aspect of Islamic law, there is a debate regarding the legal maxim “Al-darurah Tuqaddaru bi Qadariha” (Emergency eliminated in line with the rate). It is designed</p>

tanpa pemeriksaan yang teliti. Beberapa kesulitan yang dialami oleh gelandangan ini meletakkan mereka berada dalam situasi darurat pada suatu keadaan. Dari aspek hukum Islam, terdapat satu kaedah fiqh yang membahaskan perihal darurat antaranya ialah kaedah “Al-Darurah Tuqaddaru bi Qadariha” (Darurat dihilangkan selari dengan kadarnya). Kaedah ini bertujuan menghilangkan unsur darurat yang wujud dalam sesuatu keadaan. Pemberian rukhsah berperanan dalam menghilangkan unsur darurat tersebut. Walau bagaimanapun, berasaskan pita waian pemberian rukhsah, ianya mestilah diambil pada kadar yang dapat menghilangkan darurat itu sahaja. Oleh itu, kaedah fiqh ini telah diaplikasikan ke atas permasalahan dalam pengambilan bantuan makanan oleh gelandangan. Hasilnya, aplikasi kaedah tersebut adalah bersifat fleksibel berdasarkan situasi. Gelandangan diberikan rukhsah untuk mengambil makanan yang diragui sumber penyediaannya sekiranya mereka benar-benar terdesak dan dikhuatiri mendatangkan mudarat jika tidak mengambil makanan tersebut. Namun demikian, kaedah ini tidak boleh diaplikasikan pada beberapa situasi. Antaranya ialah apabila wujud pelbagai pilihan sumber bantuan makanan daripada pihak yang lebih berautoriti dari sudut halal seperti pertubuhan serta sukarelawan Islam. Selain itu, ia juga tidak terpakai sekiranya telah dijelaskan status makanan tersebut yang membezakan di antara halal dengan sebaliknya.

Kata kunci: gelandangan, darurat, rukhsah, makanan halal, halalan tayyiban

just to eliminate the element of darurat that exists in a situation. The rukhsah was given to eliminate the element of darurat. However, it must be taken at a rate that only to eliminate the situation of darurat. Therefore, the maxim has been applied toward the intake of food distribution by the homeless. As a result, the application of the maxim is flexible based on the situation. Homeless was given the rukhsah in a desperate situation and feared harm if they did not take the food. However, it cannot be applied when there is a wide selection of food distribution resources especially those from more authoritative and Islamic organizations. In addition, it also does not apply if the food has been described clearly as Halal or otherwise.

Keywords: homeless, darurat, rukhsah, halal food, halalan tayyiban

PENDAHULUAN

Gelandangan merupakan kelompok marginal yang berada di kawasan tumpuan pembangunan seperti di bandar-bandar utama. Mereka tergolong dalam kalangan miskin bandar. Terdapat pelbagai faktor yang mendorong kewujudan golongan ini seperti kemiskinan, kehilangan pekerjaan, migrasi, kecacatan, permasalahan keluarga, pengambilan bahan terlarang dan sebagainya. Faktor-faktor tersebut menyebabkan mereka mengalami kesukaran dalam meneruskan kelangsungan kehidupan mereka seperti mendapatkan akses makanan yang mencukupi. Makanan merupakan perkara asasi dalam kehidupan manusia

kerana ia membantu memberikan tenaga bagi melaksanakan pelbagai aktiviti dalam kehidupan. Kekurangan kepada aspek ini akan membawa kepada kesan negatif yang lain seperti kekurangan nutrisi, kesakitan dan kematian.

Ini juga memberikan kefahaman bahawa gelandangan bergantung sepenuhnya kepada bantuan makanan tersebut. Dari satu sudut, ia memberikan gambaran bahawa keadaan yang dialami oleh gelandangan ini adalah termasuk dalam situasi darurat iaitu terdesak bagi mendapatkan makanan. Bagi mengatasi masalah ini, inisiatif bantuan atau agihan makanan telah dilaksanakan oleh pelbagai pihak sama ada sukarelawan, NGO mahupun kerajaan. Namun begitu, keterbukaan ini telah mengundang persoalan berkaitan status halal bantuan makanan yang diberikan. Hal ini demikian kerana, kepelbagaian latar belakang pihak penganjur menimbulkan keraguan terhadap pemantauan serta penelitian aspek halal makanan tersebut. Dalam hal ini, persoalan timbul berkenaan darurat dan aplikasi hukumnya ke atas gelandangan. Oleh itu, artikel ini akan membincangkan salah satu kaedah fiqh berkaitan darurat dan kaedah aplikasinya ke atas isu ini.

Definisi Gelandangan

Gelandangan di dalam bahasa Melayu merujuk kepada satu golongan dalam masyarakat. Menurut Kamus Dewan (2005), gelandangan berasal daripada perkataan Indonesia iaitu *gelandang* atau kata kerjanya *bergelandang* yang bermaksud berjalan ke sana sini tidak tentu tujuannya. Gelandangan menurut Kamus Besar Bahasa Indonesia (2008) bermaksud orang yang tidak tentu tempat kediaman dan pekerjaannya. Dalam bahasa Inggeris, istilah yang berkaitan ialah *homeless* dan *vagrant*. Ia bermaksud tidak mempunyai tempat tinggal atau rumah yang tetap, tiada tempat perlindungan kerana kemiskinan, tinggal di jalanan. Selain itu, mereka juga dirujuk sebagai satu kelas bawahan dalam masyarakat (Oxford English Dictionary Online).

Gelandangan ialah mereka yang berstatus kelompok marginal/pengasingan sosial (*social exclusion*) yang berkait dengan kesukaran dari aspek ekonomi seperti kadar pendapatan di bawah paras pendapatan per kapita (Sudhir, 1977) atau Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) menurut ukuran kebiasaan di Malaysia (Jamil & Mat, 2014). Gelandangan juga merupakan sebahagian daripada kumpulan miskin bandar (Damsar & Indrayani, 2017) iaitu mereka yang tidak berkemampuan untuk mengakses sumber daya yang berada di sekitarnya sehingga mereka mengalami kekurangan dalam memenuhi keperluan hidupnya. Menurut Hasan (2012), gelandangan di Malaysia merupakan salah satu kelompok masyarakat yang menepati konsep kemiskinan dari sudut sosio-ekonomi. Majoriti gelandangan di negara ini terdiri daripada mereka yang tidak berpendapatan, manakala sebahagian yang lain bekerja dengan skala pendapatan yang rendah (Oria et al., 2014). Oleh itu, dapat difahami bahawa gelandangan merupakan mereka yang mengalami kemiskinan dan kesukaran untuk memenuhi keperluan hidup.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bermula pada tahun 2009, seramai 1,934 orang dikenal pasti sebagai gelandangan (orang papa/pengemis), 2010 seramai 1,434 orang, 2011 seramai 1446 orang, 2012 seramai 1,223 orang, 2013 seramai 1048 orang, 2014 seramai 1469 orang, 2015 seramai 1,527 orang, dan 2016 meningkat kepada 2278 orang. Jumlah ini dilihat semakin bertambah terutamanya di bandar-bandar besar dalam negara seperti Kuala Lumpur, Selangor dan Johor.

Jadual 1: Jumlah Orang Papa (pengemis/gelandangan yang ditangkap) dari tahun 2009-2016

Tahun	Kuala Lumpur	Warganegara	Bukan Warganegara	Jumlah
2009	193	1,687	247	1,934
2010	314	1,181	253	1,434
2011	437	1140	306	1446
2012	239	937	286	1,223
2013	210	854	194	1048
2014	424	1088	381	1469
2015	215	1115	412	1,527
2016	348	1610	668	2278

(Sumber: JKM, 2017)

Dalam kajian profil yang dilakukan JKM pada tahun 2012 ke atas 1,378 orang, faktor utama gelandangan adalah ketiadaan pekerjaan yang menunjukkan jumlahnya sebanyak 646 orang atau 46.6%. Faktor kedua pula adalah disebabkan oleh kemiskinan dan berpendapatan rendah sejumlah 245 orang yang membawa kepada 17.7% (dinukil dalam Drani, 2016). Menurut Al-Habshi (2012) dan Mohamad (2016), kebanyakan gelandangan yang dijumpai di jalanan dan pusat perlindungan ialah mereka yang berumur 30-60 tahun. Secara relatifnya kebanyakan mereka adalah berbangsa Melayu selari dengan majoriti etnik tersebut di dalam negara ini.

ISU PENGAMBILAN MAKANAN DALAM KALANGAN GELANDANGAN

Gelandangan merupakan mereka yang memiliki tahap kualiti kehidupan yang rendah dan kesukaran dalam menjalani kehidupan (Hubley, et. al, 2014). Antara bentuk kesukaran tersebut adalah untuk mendapatkan sumber makanan yang mencukupi, seimbang dan berkhasiat (Herault & Ribar, 2017). Menurut Crawford, et. al (2014), kekurangan akses kepada makanan yang berkhasiat menyebabkan sekuriti makanan mereka tidak terjamin, sentiasa kelaparan serta mendorong kepada kemiskinan. Bagi gelandangan yang berusia, kesukaran akses kepada makanan menyebabkan mereka ditimpa pelbagai penyakit seperti anaemia, imunisasi dan otot yang lemah, fungsi otak yang berkurangan serta kadar kesembuhan penyakit yang perlahan (Lutwak & Dill, 2014). Tambahan pula, kajian autopsi ke atas jasad gelandangan yang sudah meninggal, mendapati bahawa golongan ini mengalami masalah nutrisi yang sangat teruk disebabkan pengambilan makanan yang murah dan tidak berkhasiat (Radunovic, et. al, 2017). Dengan ini, ia mengukuhkan lagi bahawa gelandangan mengalami kesulitan untuk mendapatkan sumber makanan yang mencukupi.

Bagi situasi di Malaysia, statistik pada tahun 2016 menunjukkan bahawa majoriti masyarakat di dalam negara ini adalah terdiri daripada etnik Melayu. Berdasarkan perlembagaan Malaysia, definisi Melayu merujuk kepada seorang yang beragama Islam, bercakap bahasa Melayu dan menjalani adat kehidupan Melayu (Muslim & Buang, 2017). Oleh itu, adalah menjadi kewajipan ke atas masyarakat Melayu yang beragama Islam untuk beramal dengan syariat Islam. Mendapatkan sumber makanan yang halal dan tayyiban serta menjauhi perkara-perkara yang haram dalam kehidupan seharian merupakan tuntutan di dalam Islam (Ahmad, et. al, 2013). Halal merujuk kepada sesuatu yang harus dan boleh diterima dari sudut hukum Islam (Awang et. al, 2014). Istilah tayyiban pula dapat diertikan sebagai bersih, suci, tidak membahayakan persekitaran, manusia dan hidupan yang lain (Malboobi, 2012). Makanan yang halal dan tayyiban bermaksud makanan yang harus dari sudut syarak serta memberikan manfaat kepada pengguna. Bagi gelandangan yang

beragama Islam, mereka juga tidak terlepas daripada tuntutan untuk mendapatkan sumber makanan yang halal.

Secara umumnya, ini menunjukkan bahawa bantuan makanan ke atas gelandangan adalah bersifat bebas dan terbuka. Ia terdiri daripada beberapa pihak yang mempunyai latar belakang agama dan ideologi yang berbeza (Dachner & Tarasuk, 2002). Kenyataan yang dikeluarkan oleh Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, dilihat mengukuhkan lagi permasalahan berkaitan pengabaian aspek halal apabila beliau menjelaskan terdapat segelintir pihak penganjur yang tidak prihatin lalu memberikan bantuan makanan yang tidak halal kepada gelandangan yang beragama Islam. Di Malaysia, salah satu bentuk sumbangan yang dihulurkan adalah menerusi program pengagihan makanan seperti Dapur Jalanan. Kebanyakan pertubuhan NGO yang menjalankan aktiviti ini adalah terdiri daripada pelbagai latar belakang agama dan ideologi. Antaranya adalah seperti Pertiwi (Islam), Carl's Kitchen (Roman Katolik), Kuala Lumpur Urban Fellowship (KLUF ; Kristian Protestan) dan Kechara (Buddha) (Yeoh, 2017). Di Kuala Lumpur, antara institusi agama yang terlibat adalah seperti Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Archdiocesan Office for Human Development (Rusenko, 2013). Selain itu, terdapat beberapa gereja di sekitar bandaraya Kuala Lumpur turut menganjurkan bantuan makanan dan kebanyakan gelandangan yang mengunjungi gereja bagi mengambil bantuan tersebut ialah mereka yang beragama Islam. Dengan ini, ia menunjukkan bahawa nilai keterbukaan dalam bantuan makanan ke atas gelandangan menimbulkan permasalahan dari sudut penjagaan, pemantauan serta pemilihan makanan halal bagi mereka yang beragama Islam.

Di samping itu, gelandangan juga bergantung sepenuhnya kepada bantuan makanan menyebabkan mereka bergantung sepenuhnya kepada bantuan makanan daripada mana-mana pihak disebabkan situasi mereka yang terdesak dan dihimpit kemiskinan. Kewujudan pelbagai NGO yang memberikan bantuan makanan menyebabkan pertambahan golongan ini serta menjadikan pihak-pihak tersebut sebagai talian hayat mereka (Sham & Selvaratnam, 2018). Justeru, perkara ini mengundang persoalan berkaitan aplikasi hukum darurat terhadap pengambilan bantuan makanan oleh gelandangan.

Konsep Darurah

Darurah atau darurat merupakan istilah yang berasal daripada perkataan bahasa Arab iaitu *ضرورة*. Menurut Ibn Manzur (t.t), darurah merupakan kata terbitan daripada kalimah asalnya iaitu *ضرر* yang merujuk kepada sifat berlawanan kepada manfaat dan keadaan yang teruk. Manakala al-Jurjani (t.t) pula memberikan pengertian darurah sebagai suatu perkara yang berlaku disebabkan kesukaran untuk mengatasinya. Selain itu, ia juga bermaksud keperluan terhadap sesuatu dan menggambarkan suatu keadaan yang sempit (al-Fairuzabadi, 2005). Dengan ini, darurah dari segi bahasa dapat difahami sebagai suatu keperluan yang mendesak dan mendatangkan keburukan sekiranya tidak diatasi.

Dari segi istilah, terdapat beberapa definisi darurah yang telah dibincangkan oleh sarjana Islam. Menurut al-Suyuti (1983), darurah bermaksud suatu keadaan yang melebihi batasan dan sekiranya tidak dicegah, maka ia akan mendatangkan kebinasaan. Abu Zuhrah (1985) menjelaskan terdapat hubungan di antara darurah dengan dua aspek utama dalam kehidupan individu iaitu nyawa dan harta. Menurut beliau, sebarang situasi yang membawa kerosakan serta ancaman ke atas dua perkara tersebut dikira sebagai darurah. Manakala al-Zuhayli (1985), menambah lagi bahawa darurah juga merangkumi ancaman terhadap mental,

fizikal, maruah, akal serta harta individu tersebut. Selain itu, darurat juga merangkumi sifat takut dan bimbang terhadap sesuatu perkara tersebut kerana ianya berpotensi mendatangkan kebinasaan ke atas diri kita. Ini telah dijelaskan oleh al-Jassas (1992) dan al-Zuhayli (1985), apabila darurat darurat sebagai sifat takut kepada kemudaratan yang akan berlaku sama ada secara pasti atau sangkaan, sekiranya meninggalkan perkara tersebut.

Sementara itu, dalam perbincangan ilmu Usul al-Fiqh, darurat berada di bawah perbincangan berkaitan al-Istislah, Masalih al-Mursalah atau al-Maslahah sebagai sumber penetapan hukum (al-Ghazali, t.t). Menurut al-Syatibi (t.t), daruriyyat ialah pelaksanaan perkara-perkara yang memberi manfaat terhadap agama dan kehidupan. Sekiranya tidak dilakukan, ia akan membawa kepada kebinasaan hidup di dunia dan kerugian di hari Akhirat. Dari sudut ilmu Maqasid, daruriyyat difahami sebagai perkara-perkara asasi dan penting dalam kehidupan iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (al-Yubi, 2008). Darurat wujud sekiranya terdapat ancaman kebinasaan ke atas lima perkara tersebut. Secara tidak langsung, ini juga menunjukkan bahawa darurat juga bermaksud sesuatu yang penting dan kritikal. Secara umumnya, dari segi istilah dapat difahami bahawa darurat ialah keadaan yang memberi ancaman kebinasaan terhadap keseluruhan diri individu sama ada dari aspek mental mahupun fizikal.

Terdapat beberapa dalil daripada al-Quran yang membincangkan perihal darurat, antaranya adalah seperti :-

Firman Allah S.W.T

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالْدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهْلَ بِهِ لِعَٰبِرِ اللَّهِ فَمَنِ اضْطُرَّ غَيْرَ بَٰعٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ
إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Terjemahan : Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَىٰ طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَّسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خِنْزِيرٍ فَإِنَّهُ
رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا أُهْلَ لِعَٰبِرِ اللَّهِ بِهِ فَمَنِ اضْطُرَّ غَيْرَ بَٰعٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ رَبَّكَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Terjemahan : Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai, atau darah yang mengalir, atau daging babi - kerana sesungguhnya ia adalah kotor - atau sesuatu yang dilakukan secara fasik, iaitu binatang yang disembelih atas nama yang lain dari Allah". Kemudian sesiapa yang terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhan mu Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Dalil-dalil di atas menjadi asas kepada perbincangan berkaitan darurat dan aplikasinya dalam hukum Islam. Lafaz اضطر merujuk kepada situasi darurat yang sedang berlaku iaitu ketiadaan sumber makanan halal yang lain untuk dimakan kecuali jenis makanan yang diharamkan sahaja (Ibn Kathir, 1998). Dalam situasi ini, dihalalkan ke atas individu tersebut untuk memakan jenis makanan yang diharamkan tersebut, pada kadar yang dapat

menghilangkan darurat itu daripada terus berlaku (al-Tabari, 1994). Salah satu ruang kepada perbincangan ini adalah menerusi ilmu Kaedah-Kaedah Fiqh (Qawa'id Fiqhiyyah). Kaedah "Al-Darar Yuzal" merupakan kaedah fiqh yang usul dalam menjelaskan hukum berkaitan darurat. Kaedah ini bermaksud bahawa sebarang unsur darurat yang terdapat dalam sesuatu keadaan mesti dihilangkan. Secara umumnya, ini menunjukkan bahawa syariat Islam memberikan kemudahan (al-taysir) kepada umatnya dalam melaksanakan ibadah serta menjalani kehidupan harian. Kemudahan tersebut adalah bertujuan sebagai pencegahan daripada sebarang kesukaran yang berlaku akibat situasi darurat tersebut.

Kaedah Fiqh "al-Darurah Tuqaddar bi Qadariha"

Salah satu kaedah cabang berkaitan darurat ialah kaedah "Al-Darurah Tuqaddar bi Qadariha". Kaedah ini bermaksud bahawa darurat itu hanya boleh digunakan sekadar mencukupi kadar untuk menghilangkannya. Dalam maksud yang lain, ia juga bermaksud bahawa darurat itu ditentukan pada kadarnya (Fariza et. Al, 2016). Penggunaan darurat merujuk kepada rukhsah (keringanan) yang diberikan ke atas individu ketika berada dalam situasi darurat. Sekiranya individu itu berada pada suatu keadaan yang mencapai tahap darurat, maka diharuskan ke atasnya untuk mengambil atau melakukan perkara yang dilarang pada asalnya bagi mencegah darurat daripada terus berlaku. Namun demikian, rukhsah tersebut hanya boleh diambil pada kadar tertentu iaitu pada ukuran yang dapat menghilangkan elemen darurat dalam sesuatu keadaan.

Rukhsah merupakan salah satu hukum yang disyariatkan oleh Allah sebagai keringanan kepada hamba-hambanya pada keadaan-keadaan tertentu seperti keuzuran dan darurat (Khallaf, 1942). Menurut al-Zarqa (1989), dalam kaedah ini, tujuan rukhsah tersebut diberikan adalah untuk menghilangkan unsur-unsur darurat yang wujud dalam sesuatu keadaan. Ini adalah selari dengan kedudukan kaedah ini yang merupakan salah satu cabang daripada kaedah yang utama iaitu "Al-Darar Yuzal" (al-Suyuti, 1983). Persamaan di antara kedua-dua kaedah ini adalah dari segi matlamat iaitu menghilangkan keadaan darurat daripada berlaku ke atas individu mahupun masyarakat. Oleh itu, kaedah ini lebih bersifat sebagai tatacara penggunaan rukhsah bagi menghilangkan unsur-unsur darurat yang terdapat dalam sesuatu keadaan.

Aplikasi Kaedah "Al-Darurah Tuqaddar bi Qadariha" Terhadap Pengambilan Bantuan Makanan Oleh Gelandangan

Secara umumnya, ia menunjukkan bahawa pelbagai faktor kekurangan yang dimiliki oleh gelandangan menzahirkan sifat mereka yang terdesak dan berharap kepada bantuan daripada masyarakat sekeliling. Kesukaran yang dialami oleh mereka dari sudut pendapatan, pekerjaan, kesihatan dan status sosial menyebabkan mereka bergantung kepada sumber yang lebih selesa dan terjamin iaitu bantuan pihak sukarelawan. Secara tidak langsung, ini juga menunjukkan bahawa salah satu situasi darurat yang dihadapi oleh mereka adalah keperluan dan kebergantungan terhadap bantuan makanan. Selain itu, darurat lain yang wujud adalah ketika terdapat keraguan ke atas sumber makanan tersebut.

Secara umumnya, diwajibkan ke atas setiap individu Muslim untuk mencari dan mendapatkan sumber makanan yang diyakini status halalhnya. Ini adalah bertepatan dengan firman Allah S.W.T :-

يَأْتِيهَا النَّاسُ كُلُّوْا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Terjemahan : Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu. (al-Baqarah : 168)

Sabda Rasulullah S.A.W :-

عَنْ أَبِي عَبْدِ اللَّهِ التُّعْمَانِيِّ بْنِ بَشِيرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: إِنَّ الْحَلَالَ بَيِّنٌ وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيِّنٌ وَبَيْنَهُمَا أُمُورٌ مُشْتَبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنْ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ فَقَدْ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعِزِّهِ، وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ، كَالرَّاعِي يَرْعَى حَوْلَ الْحِمَى يُوشِكُ أَنْ يَرْتَعَ فِيهِ، أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمًى أَلَا وَإِنَّ حِمَى اللَّهِ مُحَارَمُهُ أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْعَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

Daripada Nu'man bin Basyir r.a, beliau telah berkata : Aku telah mendengar Rasulullah S.A.W bersabda : "Sesungguhnya yang halal itu jelas, dan yang haram itu jelas. Di pertengahan di antara kedua-duanya ialah perkara-perkara yang syubhah, ianya tidak diketahui oleh ramai manusia. Barangsiapa yang menjauhi syubhah tersebut, maka dia telah memelihara agamanya dan kehormatan dirinya. Barangsiapa yang menempatkan diri mereka dalam syubhah tersebut, maka mereka telah berada dalam perkara yang haram. Ia adalah ibarat seorang penggembala yang mengawal haiwan peliharaannya di sekitar ladang yang haram dimasukinya, lama-kelamaan dia juga akan masuk dalam ladang tersebut. Ketahuilah bahawa setiap raja mempunyai kawasan larangan, dan kawasan larangan Allah itu adalah setiap yang diharamkan. Ketahuilah bahawa pada setiap jasad itu ada seketul daging, sekiranya ia baik, maka baiklah seluruh jasad itu, dan sekiranya ia rosak, maka rosaklah seluruh jasad itu. Itulah hati. (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Dalil di atas membuktikan bahawa keperluan mendapatkan sumber makanan yang halal merupakan suatu asas kewajipan bagi setiap individu Muslim (al-Tabari,1994). Namun demikian, sekiranya berlaku keadaan darurat yang membawa kepada mudarat seperti tiada langsung alternatif halal, maka diharuskan kepada individu tersebut untuk mengambil perkara yang dilarang (Aizat, et. al, t.t). Permasalahan timbul apabila bantuan tersebut disediakan oleh pihak non-Muslim serta terdapat kesamaran akan status halalnya. Contohnya, tidak terdapat logo halal yang diiktiraf, sumber makanan yang meragukan dan sememangnya diketahui bahawa ianya disediakan oleh non-Muslim. Terdapat dalil yang menjelaskan perihal penyediaan makanan oleh pihak bukan Islam. Antaranya adalah menerusi firman Allah S.W.T :-

وَطَعَامُ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حِلٌّ لَكُمْ وَطَعَامُكُمْ حِلٌّ لَهُمْ

Terjemahan : Dan makanan (sembelihan) orang-orang yang diberikan Kitab itu adalah halal bagi kamu, dan makanan (sembelihan) kamu adalah halal bagi mereka (tidak salah kamu memberi makan kepada mereka) (Al-Ma'idah : 5)

Dalam hal ini, Ibn al-'Arabi berpandangan bahawa rukhsah diberikan ke atas individu Muslim untuk mengambil makanan yang disediakan oleh pihak non-Muslim. Namun demikian, ianya mestilah diselidiki serta dikenal pasti terlebih dahulu bahawa makanan tersebut mengandungi bahan yang halal (Ibn al-'Arabi, 2003). Selain itu, al-Qurthubi (1938) dalam salah satu huraiannya menjelaskan bahawa diharuskan kepada Muslim untuk

mengambil makanan pemberian non-Muslim sekiranya bekas tersebut tidak mengandungi sebarang unsur najis dan mengandungi makanan yang halal. Ibn Qudamah (2004), menukulkan pandangan daripada Imam Ahmad yang menyatakan bahawa tidak menjadi kesalahan untuk mengambil makanan daripada pihak non-Muslim seperti Majusi. Menurut al-Qardhawi (1978), harus mengambil makanan halal yang disediakan oleh non-Muslim walaupun tidak diketahui sembelihannya itu sama ada menepati syarak ataupun tidak. Oleh itu, diharuskan ke atas individu Muslim untuk mengambil makanan yang disediakan oleh pihak non-Muslim selagi mana ianya bersih daripada sebarang kotoran, najis dan mengandungi bahan-bahan yang halal. Justeru, tiada sebarang masalah berkenaan bantuan makanan oleh pihak bukan beragama Islam.

Selain itu, darurat juga berlaku apabila terdapat kesukaran mencari makanan yang halal. Bantuan makanan yang diberikan juga mengandungi unsur-unsur yang meragukan. Justeru, rukhsah diberikan sebagai mencegah darurat daripada terus berlaku. Terdapat beberapa dalil tentang pensyariatian rukhsah, antaranya adalah seperti firman Allah S.W.T :-

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Terjemahan : Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu. (Al-Baqarah : 185)

يُرِيدُ اللَّهُ أَنْ يُخَفِّفَ عَنْكُمْ وَخُلِقَ الْإِنْسَانُ ضَعِيفًا

Terjemahan : Allah (sentiasa) hendak meringankan (beban hukumnya) daripada kamu, kerana manusia itu dijadikan berkeadaan lemah. (Al-Nisa': 28)

Dalil-dalil di atas menunjukkan bahawa syariat Islam memberikan kemudahan serta keringanan ke atas umatnya dalam melaksanakan ibadah kepada Allah S.W.T (al-Jassas,1992). Bagi individu yang berada dalam situasi terbeban sehingga menyukarkan dirinya untuk melakukan ibadah misalnya keuzuran atau darurat, maka diberikan rukhsah ke atas mereka sebagai keringanan daripada kesukaran tersebut (al-Tabari,1994). Menurut Ibn Rushd, sekiranya berlaku darurat untuk mendapatkan makanan yang halal, maka tiada khilaf dalam membenarkan individu itu untuk mengambil makanan yang haram (al-Qurtubi,2009). Namun demikian, aplikasi hukum rukhsah yang perlu dipatuhi ketika darurat ini adalah terhad, tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya serta terdapat beberapa piawaian yang perlu dipatuhi (al-Zuhayli,1985). Antaranya adalah membataskan kadar rukhsah yang diberikan secara minimum atau pada kadar yang dapat menghilangkan darurat tersebut. Misalnya, diharuskan untuk memakan khinzir ataupun bangkai ketika tiada langsung makanan halal. Menurut al-Syarbini (2000), kadar yang dimakan itu mestilah sekadar memberikan sedikit tenaga serta tidak boleh melebihi sehingga mencapai tahap kenyang.

Dalam permasalahan bantuan makanan ke atas gelandangan, aplikasi kaedah ini adalah bergantung kepada persekitaran kawasan yang terdapat bantuan tersebut. Bagi gelandangan Muslim yang berada di kawasan yang mempunyai majoriti penduduk bukan Islam seperti di kawasan benua Eropah, kaedah ini adalah terpakai ke atas mereka. Justeru, secara umumnya, rukhsah diberikan ke atas mereka untuk mengambil bantuan makanan yang dihulurkan oleh pihak sukarelawan yang terdiri daripada non-Muslim. Ia bagi membendung situasi darurat yang sedang berlaku. Manakala bagi gelandangan yang berada di kawasan yang memiliki majoriti penduduk beragama Islam seperti di Malaysia, pelbagai alternatif bantuan makanan telah diberikan. Kewujudan pihak-pihak sukarelawan yang

mempunyai latar belakang ideologi dan autoriti Islam, memberikan kemudahan kepada mereka untuk mengambil bantuan makanan yang diyakini halal. Namun demikian, sekiranya mereka berada situasi yang darurat disebabkan tiada makanan yang halal, maka kaedah fiqh ini juga adalah terpakai ke atas mereka.

PENUTUP

Kesimpulannya, aplikasi kaedah fiqh “Al-Darurah Tuqaddar bi Qadariha” adalah bersifat relatif dan fleksibel mengikut situasi yang dialami oleh gelandangan. Bagi gelandangan yang mengalami kesukaran untuk mendapatkan makanan yang diyakini status halalnya, maka rukhsah diberikan ke atas mereka untuk mengambil bantuan makanan yang diragui statusnya daripada pihak non-Muslim. Contohnya, rukhsah ke atas gelandangan yang berada di kawasan majoriti penduduk non-Muslim serta tiada alternatif makanan yang halal. Diharuskan kepada mereka untuk mengambil bantuan makanan tersebut pada kadar yang dapat menghilangkan darurat. Manakala bagi gelandangan yang berada di kawasan majoriti Muslim, kaedah ini adalah terbatas ke atas mereka memandangkan terdapat alternatif bantuan yang disediakan oleh pihak yang lebih mempunyai autoriti dalam agama Islam. Namun demikian, sekiranya individu gelandangan tersebut mengalami kesukaran akses terhadap bantuan makanan yang halal, maka rukhsah juga diberikan ke atas mereka. Misalnya, gelandangan yang berada dalam situasi terdesak mendapatkan makanan serta kebuluran, maka diharuskan ke atas mereka untuk mengambil bantuan makanan yang diragui status halalnya daripada pihak non-Muslim pada kadar yang dapat menghilangkan darurat kelaparan mereka.

RUJUKAN

- Abd al-Wahab Khallaf, *‘Ilm Usul al-Fiqh*, (Kaherah : Maktabah Da’wah al-Islamiyyah Syabab al-Azhar, 1942), 122
- Abi Ishak al-Syatibi, *Al-Muwafaqat fi Usul al-Syari’ah*, (Arab Saudi : Wizarah Al-Shu’un al-Islamiyyah, t.t), jil.1, 7
- Abi Hamid Muhammad Al-Ghazali, *Al-Mustasfa min ‘Ilm al-Usul*, (Riyadh : Dar al-Maiman, t.t), jil. 2, 327-328
- Abu al-Fida’ Isma’il Ibn Kathir, *Tafsir al-Quran al-‘Azim*, (Beirut : Dar al-Kutub al- ‘Ilmiyyah, 1998), jil. 1, 351
- Abu Bakr Ahmad al-Jassas, *Ahkam al-Quran*, (Beirut : Dar al-Haya’ al-Turath al- ‘Arabiy, 1992), jil. 1, 160
- Abu Bakr Muhammad Ibn al-‘Arabi, *Ahkam al-Quran*, ed. ke-3, (Beirut : Dar al-Kutub al- ‘Ilmiyyah, 2003), 2: 42-44
- Abu Ja’afar al-Tabari, *Tafsir al-Tabari*, (Beirut : Muassasah al-Risalah, 1994), jil. 1, 464-466
- Ahmad bin Muhammad al-Zarqa, *Syarh al-Qawa’id al-Fiqhiyyah*, ed. ke-2 (Beirut : Dar al-Qalam, 1989), 187
- Ali bin Muhammad Al-Jurjani, *Mu’jam al-Ta’rifat*, (Kaherah : Dar al-Fadhilah, t.t), 117
- B. Rustanto, *Menangani Kemiskinan*, (Bandung: PT Remaja Rosdakarya, 2015)
- Damsar & Indrayani, *Pengantar Sosiologi Perkotaan*, (Jakarta: Kencana, 2017)
- Ibn Manzur, *Lisan al-‘Arab*, (Kaherah : Dar al-Ma’arif, t.t), jil. 4, 2572-2574
- Ibn Qudamah al-Maqdisi, *Al-Mughni*, (Lubnan : Bayt al-Afkar al-Dawliyyah, 2004), 2: 2374
- Jalal al-Din Abd al-Rahman al-Suyuti, *al-Asybah wa al-Nazhoir*, (Beirut : Dar al-Kutb al- ‘Ilmiyyah, 1983), 85

- Muhammad bin 'Abdullah a-Ansari al-Qurthubi, *al-Jami' li Ahkam al-Quran*, (Kaherah : Dar al-Kutub al-Misriyyah, 1938), 6: 77-79
- Muhammad Abu Zuhrah, *Usul al-Fiqh*, (t.tp.: Dar al-Fikr al-'Arabi, 1985), 370-371
- Muhammad bin Ahmad Ibn Rusyd al-Qurtubi, *Bidayat al-Mujathid wa Nihayat al-Muqtasid*, (Lubnan : Bayt al-Afkar al-Dawliyyah, 2009), 526-527
- Muhammad bin Muhammad al-Khatib al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, (Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2000), 6 : 160
- Muhammad bin Ya'qub al-Fairuzabadi, *Qamus al-Muhit*, (Beirut : Muassasah al-Risalah, 2005), 428
- Muhammad Sa'ad al-Yubi, *Maqasid al-Shari'ah*, (Riyadh : Dar al-Hijrah, 1998), 183
- Wahbah al-Zuhayli, *Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, edisi ke-2 (Damsyiq : Dar al-Fikr, 1985), jil. 3, 515
- Wahbah al-Zuhayli, *Nazoriyyah al-Darurah al-Syar'iiyyah*, ed. ke-2 (Beirut : Muassasah al-Risalah, 1985), 67-68
- Yusuf Qardhawi, *Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*, (Beirut : Dar al-Quran al-Karim, 1978), 61-64
- Anita M. Hubble, Lara B. Russell, Anita Palepu, and Stephen W. Hwang. "Subjective quality of life among individuals who are homeless: A review of current knowledge." *Social indicators research* 115, no. 1 (2014): 509-524, <https://link.springer.com/article/10.1007/s11205-012-9998-7>
- Belinda Crawford, Rowena Yamazaki, et. al, "Sustaining dignity? Food insecurity in homeless young people in urban Australia." *Health Promotion Journal of Australia* 25, no. 2 (2014): 71-78, <http://www.publish.csiro.au/HE/he13090>
- Miodrag Radunović, Nemanja Radojević, Velimir Rakočević, Jelena Vučinić, and Ivana Čurović. "Clinical and autopsy findings of the homeless." (2017), 6
- Muhammad Syafiq Muhamad Sham and Doris Padmini Selvaratnam. "Strategi Kelangsungan Hidup Gelandangan di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur." *Sains Humanika* 10, no. 2 (2018), 19-29, DOI: <https://doi.org/10.11113/sh.v10n2.1348>
- Mohammad Taghi Malboobi and Mohammad Ali Malboobi. "Halal concept and products derived from modern biotechnology." In *International workshop for Islamic scholars on agribiotechnology: Shariah compliance*, (2012): 22
- Mohd Suhaimi Mohamad, Khaidzir Ismail dan et. al, "Hubungan di antara Kesihatan Mental dengan Minat Kerjaya dalam kalangan Gelandangan di Kem Desa Bina Diri, Malaysia (The Relationship between Mental Health and Career Interest among Homeless People in Kem Desa Bina Diri, Malaysia)." *Akademika* 86, no. 1 (2016), 1-10, <http://ejournal.ukm.my/akademika/article/view/9489>
- Nancy Lutwak and Curt Dill. "Homeless and Older Veterans May Be at Risk for Malnutrition and Food Insecurity." *Population Health Management* (2017), 419
- Naomi Dachner and Valerie Tarasuk. "Homeless "squeegee kids": Food insecurity and daily survival." *Social science & medicine* 54, no. 7 (2002): 1039-1049, [https://doi.org/10.1016/S0277-9536\(01](https://doi.org/10.1016/S0277-9536(01)
- Nazri Muslim and Ahmad Hidayat Buang. "Islam dalam perlembagaan persekutuan dari perspektif hubungan etnik di Malaysia." *Jurnal Kemanusiaan* 10, no. 2 (2017), 122, <file:///C:/Users/User/Downloads/68-137-1-SM.pdf>
- Nicolas Haurault and David C. Ribar. "Food insecurity and homelessness in the Journeys Home survey." *Journal of Housing Economics* 37 (2017), 62

- Nor Ardyanti Ahmad, T. N. Abaidah, and M. H. A. Yahya. "A study on halal food awareness among Muslim customers in Klang Valley." In *The 4th International Conference on Business and Economic Research (4th icber 2013) Proceeding*, (2013), 1074
- Norzuraida Hasan, "Potensi pelaksanaan bank makanan di Malaysia sebagai satu bentuk jaminan sekuriti makanan bagi golongan miskin." (PhD diss., Universiti Malaya, 2012), 66
- Seng-Guan Yeoh. "The World Class City, the homeless and soup kitchens in Kuala Lumpur." *Current Sociology* (2017): 579-580, <http://journals.sagepub.com/doi/pdf/10.1177/0011392117697464>
- Sharifah Mariam Alhabshi and A. K. Abdul Manan. "Homelessness in Kuala Lumpur, Malaysia: A case of agenda denial." *International Journal of Social Science Tomorrow* 1, no. 2 (2012): 1-9, https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00007141_79227
- Siti Fariza, M. F., A. K. Hasanah, M. S. Irwan, and A. R. Azman. "Aplikasi Kaedah Fiqh Al-Darurah Tuqaddar Biqadariha Dalam Agihan Zakat Untuk Mangsa Banjir." (2016), 80-90, <http://ddms.usim.edu.my/handle/123456789/14034>
- Rafiza binti Mohamed, Jaffary Awang, Ahmad Sunawari Long, and Zaizul Ab Rahman. "Keperluan Gelandangan terhadap Sistem Sokongan Agama Homeless Requirements Of Religious Support System." 84, http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/files6/jsass_vol4bil1_009_rafiza.pdf
- Ramli Awang, Roslan Abdul-Rahim, Kamaruzaman Yusoff, Badlishisham Mohd Nasir, Mohd Nasir Ripin, Zulkiflee Haron, and Mansoureh Ebrahimi. "Halal epistemology from a global perspective." *Social Sciences (Pakistan)* 9, no. 6 (2014) : 375
- Reyna Rusenko, "The Anjung Singgah Strategy: Simultaneous Inclusion and Exclusion of Homelessness in Malaysia's Policy Agenda", Paper presented at the American Sociological Association Conference , August 2013, 6, <https://www.researchgate.net/publication/2654682>